



LEMBAGA PERUMAHAN NEGERI PULAU PINANG

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor **G1** yang **berdaftar** dengan CIDB dan PKK, memegang **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan, Sijil Taraf Bumiputera**, mempunyai **Sijil Pematuhan Cukai (TCC)** berstatus **PATUH** beralamat di **Daerah Seberang Perai Utara Sahaja** dalam kod bidang seperti dinyatakan di bawah yang masih sah tempohnya bagi menyertai sebut harga berikut:

NO. SEBUTHARGA	TAJUK	KOD BIDANG	TARIKH IKLAN/JUAL	TARIKH TAKLIMAT	TARIKH TUTUP
LPNPP/08/2026	Kerja-Kerja Membaharumuka Jalan (<i>Resurfacing</i>) Serta Kerja-kerja Berkaitan Di Rumah PPR Taman Bagan Jaya, SPU	G1 Kategori CE Pengkhususan CE01	<u>Iklan</u> 20 Februari 2026 <u>Jual</u> 26 Februari 2026	26 Februari 2026 Masa Pendaftaran 10.00 – 11.00 pagi Taklimat 11.00 Pagi	05 Mac 2025 12.00 Tengah Hari


- Pembelian Dokumen Sebut Harga boleh dibuat di Portal Rasmi Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) <https://www.lpnpp.gov.my/> mulai **26 Februari 2026 (Khamis)** dengan kadar bayaran sebanyak RM100.50 (termasuk caj perkhidmatan).
- Pemilik syarikat **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat bagi sebutharga ini yang akan diadakan pada **26 Februari 2026 (Khamis) jam 10.00 pagi bertempat di Dewan Orang Awam, PPR Taman Bagan Jaya, SPU, Pulau Pinang**. Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) atau Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat sebutharga ini. Wakil adalah tidak dibenarkan. Kebenaran khas CIDB adalah dibenarkan.
- Kontraktor adalah dikehendaki membawa bersama Sijil Asal **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)**, **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** dan **Sijil Pematuhan Cukai (TCC)** berstatus **PATUH**. Syarikat yang tidak menghadiri taklimat atau hadir selepas masa pendaftaran tidak layak mengambil bahagian dalam sebutharga ini.

LPNPP.(S).400-5/7/1 Jld.4 (61)

5. Cadangan Tawaran yang lengkap berserta maklumat pengalaman dan sesalinan dokumen seperti senarai semak hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan Tajuk dan No. Sebut Harga di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dikemukakan secara serahan tangan **sebelum jam 12.00 Tengahari pada 05 Mac 2026 (Khamis)** dan dimasukkan ke dalam:

**Peti Tawaran Sebut Harga/Tender
Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang
Paras 20, Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR)
10503 Pulau Pinang**

6. Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) tidak terikat untuk menerima Cadangan Tawaran terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) juga berhak untuk menerima, menolak atau membatalkan keseluruhan atau sebahagian daripada Cadangan Tawaran.
7. Cadangan Tawaran yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.
8. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi En Mohamad Ridzuan Bin Mohammad, Penolong Eksekutif Teknikal (Bahagian Teknikal, Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang) di talian 04-2290014.


.....
(NUR SURIA BINTI AHMAD)
Eksekutif Teknikal
b.p Pengurus Besar
Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang